



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN IPOH TIMUR**
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

5 November 2020

KENYATAAN MEDIA BERHUBUNG PENYATA KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN 2019.

1. Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen mendengar taklimat Ketua Audit Negara berhubung Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2019 yang dibentangkan di Dewan Rakyat hari ini.
2. Dalam pembentangan hampir tiga jam itu, PAC dimaklumkan bahawa secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan berakhir 31 Disember 2019 menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan dengan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan dikemas kini.
3. Ketua Audit Negara juga memaklumkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2018 diberikan Sijil Pendapat Tanpa Teguran dengan terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian (*Emphasis of Matter*).
4. Antara EOM adalah berkenaan dengan penggunaan wang berjumlah RM3.942 bilion daripada Peruntukan Pembangunan dan Peruntukan Mengurus yang disalurkan dalam bentuk geran kepada 11 syarikat untuk membayar balik pinjaman. Walaupun penggunaan wang berkenaan tidak menyalahi Seksyen 8 Akta Pinjaman 1972, Ketua Audit Negara berpendapat perkara berkenaan tidak mencerminkan tatacara perakaunan yang benar dari segi audit.

5. Justeru, Ketua Audit Negara berpendapat bahawa jika Kerajaan mahu menyalurkan wang kepada syarikat milik Kerajaan untuk membayar pinjaman ia seharusnya direkodkan sebagai “pendahuluan atau pinjaman yang boleh dituntut”.
6. PAC telah dimaklumkan oleh Ketua Audit Negara bahawa Kerajaan dan Akauntan Negara adalah lebih telus dalam penyediaan Penyata Kewangan, yang mana nota-nota Kepada Penyata Kewangan yang disertakan memberikan suatu gambaran yang lebih jelas untuk membolehkan JAN memetik isu-isu berkenaan. Contohnya, Nota 5(b) Perbelanjaan Mengurus dan 7(a)(i) Perbelanjaan Pembangunan yang telah membangkitkan dengan sendirinya isu yang dipetik dalam EOM.
7. Ketua Audit Negara juga menekankan perhatian kepada isu pelaburan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) yang melibatkan kepincangan perakaunan dari segi audit seperti yang dinyatakan dalam LKAN.
8. Berkenaan dengan hutang kerajaan Persekutuan, ia telah meningkat pada tahun 2019 iaitu berjumlah RM792.997 bilion berbanding RM741.048 bilion pada tahun 2018, dengan nisbah hutang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berada pada paras 52.5 peratus berbanding 51.2 peratus pada tahun 2018. Jumlah liabiliti Persekutuan adalah sebanyak RM1,080 bilion atau bersamaan 71.5% nisbah liabiliti kepada KDNK.

9. Sebanyak 59.9% atau RM82,723 bilion daripada jumlah Terimaan Pinjaman Baharu berjumlah RM138.559 bilion telah digunakan untuk Bayaran Prinsipal Pinjaman Dalam Negeri. Hanya 29.7% atau RM41.151 bilion digunakan untuk tujuan Perbelanjaan Pembangunan. Situasi sebegini haruslah diperbaiki.

Sekian, terima kasih.

YB Wong Kah Woh